

UCAPAN YANG DI-PERTUA BAKTI
Y. A. B, DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MESYUARAT AGUNG BAKTI KALI YANG KE-7
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 22HB. MEI, 1984
PUKUL 2.00 PETANG

Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz,
Penasihat BAKTI;

Yang Berbahagia Puan Nor Farida Ariffin,
Penasihat BAKTI;

Yang Berbahagia Saudari–Saudari Ahli BAKTI
dan Ahli Bersekutu;

Yang Berusaha Encik Kamal dan Rakan–rakannya.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-7 ini dapat diadakan pada petang ini. Saya berterima kasih kepada saudari-saudari sekalian kerana sudi hadir. Laporan-laporan yang lengkap telah pun dicatat dalam Buku Laporan untuk disemak sendiri dan saya ingin berucap mengenai dua tiga perkara sahaja.

Saudari-saudari yang dihormati,

2. Kita sebagai isteri kepada ahli-ahli politik seringkali terlibat secara tidak langsung dengan perubahan dan suasana yang berlaku dalam arena politik. Tidak boleh tidak, perasaan kita terganggu kerana suasana politik melibatkan suami kita sendiri dan

rakan kita sendiri. We, as wives of politicians have no other choice but to support our husbands and so long as everyone of us appreciate and accept our role as wives of politicians with its varied ups and downs, we can therefore face situations better and understand the feelings of colleagues better.

3. However, as a senior member of BAKTI who have had the ups and downs of politics too, may I sincerely appeal to all of you to try and put aside any political differences when in BAKTI. I have reminded members in my first speech this afternoon the main objectives of BAKTI. BAKTI has so many things to do to help people. We need all efforts and cooperation from members and we

can only do this if we are together. I have every confident that each one of us have feelings for each other but fear of being embarrassed and ignored prevent us from being our natural selves. Each one of us cannot be indifferent to what happens to friends and colleagues and I tell myself and also to you dear friends that there is nothing to lose to keep and win friends and make more friends but everything to lose when your make just one single ~~evening!~~ ^{enemy}!

Saudari-saudari,

4. Kita akan mengadakan pemilihan bagi ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir baru sebentar lagi. Sungguh pun pilihan ini tidak sehebat

pemilihan pada 25 Mei 1984, saya berharap pemilihan calon-calon kepada jawatan-jawatan yang tertentu akan dibuat oleh saudari-saudari dengan bijak. BAKTI memerlukan Jawatankuasa Tadbir yang cekap, cergas dan ikhlas. Saya juga berharap ahli-ahli akan voluntier memegang sesuatu jawatan yang tertentu, baik dalam Jawatankuasa Tadbir atau Jawatankuasa Kecil, supaya BAKTI akan bergerak dengan lebih bererti.

5. Saya merayu kepada ahli-ahli yang muda supaya tidak berasa segan atau menganggap diri mereka tidak layak memegang sesuatu jawatan. Tidak perlu isteri Menteri-Menteri saja memegang jawatan-jawatan yang tertentu.

Disyorkan Jawatankuasa Tadbir yang baru terdiri dari semua golongan dan semua peringkat, supaya cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan semua ahli dapat ditimbang dan dilaksanakan dengan cekap, bersih dan beramanah.

6. Kepada Ahli-Ahli Bersekutu pula, saya berharap lebih ramai lagi bekas-bekas ahli BAKTI akan ikut menyertai BAKTI. Kita akan mengesyorkan supaya semua Jawatankuasa Kecil akan melantik sama banyak anggota daripada Ahli Biasa dan Bersekutu. Penglibatan Ahli-Ahli Bersekutu amatlah penting.

7. Banyak rancangan akan dikemukakan kelak, termasuklah cadangan mengadakan Hadiah

Bungkusan Hari Raya kepada anggota tentera, Tabung Pelajaran dan lain-lain. Pertolongan dan kerjasama erat setiap ahli dalam BAKTI amatlah diperlukan.

8. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Kecil 1983/84 atas kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang masa. Terima kasih khas saya tujukan kepada Yang Berbahagia Datin Ena Ling kerana jasa dan kerjasama beliau sejak beberapa tahun sebagai Ahli Biasa, dan dengan besar hati kita menyambut beliau sebagai Ahli Bersekutu pula.

9. Dengan kata-kata ini, saya berdoa semoga dengan kerjasama dan pertolongan puan-puan

dan tuan-tuan, mesyuarat agung yang ke-7 ini akan berjalan dengan sempurna dan dapat ditamatkan tepat pada jam 6.30 petang.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN YANG DI-PERTUA BAKTI
Y. A. B, DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BINTI HJ. MOHD. ALI
DI UPACARA PENUTUP MESYUARAT AGUNG BAKTI
KALI YANG KE-7, DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 22HB. MEI, 1984
PUKUL 2.00 PETANG

Saudari-saudari yang berbahagia,
Tuan-tuan yang berusaha.

Mesyuarat kita telah selamat sempurna. Saya berharap semua rancangan dan cadangan yang diputuskan akan dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tadbir baru, sebaik sahaja Jawatankuasa ini bersedia. Jawatankuasa Kecil Hadiah Bungkusan Hari Raya bagi anggota tentera perlulah bertindak segera, dan Jawatankuasa Projek Amal pun akan berjalan hingga walkaton kita tamat dan sempurna. Oleh itu kerjasama saudari-saudari amatlah mustahak.

2. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin atas kehadiran dan

bantuan mereka sepanjang tahun dan berharap akan mendapat pertolongan itu sepanjang tahun 1984/1985 juga.

3. Saya ingin menjemput para hadirin sekalian bersama-sama berdoa semoga Allah mencucuri selamat sejahtera kepada kita dan keluarga kita, menganugerah banyak taufik dan hidayah kepada kita, supaya kita dapat berbuat amal bakti kepada orang-orang yang memerlukannya dengan hati yang insaf dan bersimpati. Semoga Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Mengasihani merestui kegiatan-kegiatan BAKTI dan memupuk perasaan kasih mesra antara ahli-ahli, demi kepentingan kebaikan isteri-isteri, bangsa dan negara. Semoga Allah Subhanahu Wataala selamatkan kita dan keluarga kita dari segala

merbahaya, ke mana jua kita akan pergi, dan di mana juga kita berada.

Amin, Amin, Amin Rabbulalamin.

Terima kasih.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

